

RATIB SAMAN: PENGARUH BAHASA DALAM MASYARAKAT MELAYU SAMBAS¹ *(RATIB SAMAN: INFLUENCE OF LANGUAGE IN SAMBAS MALAY COMMUNITY)*

Muhammad Saiful Haq Hussin
Zahir Hj. Ahmad

Abstrak

Makalah ini meninjau peranan bahasa yang didominasi oleh bahasa Arab dan bahasa Melayu dalam Ratib Saman. Ratib Saman bagi masyarakat Melayu Sambas merupakan suatu aktiviti kemasyarakatan yang bersifat 'ritual' dalam menunjangi kehidupan bermasyarakat masyarakat Melayu Sambas. Upacara adat 'tepung tawar' digunakan dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatannya seperti: Pindah rumah baru; Berubat kampung; Khitanan; Hamil 7 dan 9 bulan; Mandi belulus pengantin; Hari ke 7 meninggal dunia dan lain-lain lagi. Upacara tersebut diadakan untuk memohon keselamatan, kesejahteraan, kedamaian kepada Allah SWT dengan cara memapas atau menyentuh-nyentuh objek yang didoakan dengan menggunakan daun lenjuang yang telah dicelupkan air tepung tawar yang sudah dibacakan dengan doa-doa. Oleh hal yang demikian, Ratib Saman juga mempunyai fungsi yang hampir sama iaitu untuk memohon pertolongan dan perlindungan dari Allah SWT agar dihindari dari pelbagai ancaman. Oleh sebab masyarakat Melayu Sambas yang menganut agama Islam maka tidak hairanlah kehadiran Ratib Saman juga dikatakan selari dengan kedatangan Islam ke Sambas. Hal ini dapat disimpulkan bahawa faktor saling mempengaruhi di antara bahasa Arab dengan bahasa Melayu yang sekali gus turut memperlihatkan

¹ Kajian Bahasa, Naskah dan Sastera Lisan Masyarakat Melayu Sambas pada 18 hingga 27 Mei. Anggota penyelidik terdiri daripada Prof. Madya Dr. Ab. Razak Ab. Karim, Prof. Madya Dr. Zahir Ahmad, Dr. Muhammad Saiful Haq BinHussin, dan Akhmad Bin Mansur.

pengaruhnya terhadap teks Hikayat Syeikh Muhammad Saman (HSMS). Oleh hal yang demikian didapati bahawa Bahasa Melayu yang digunakan dalam HSMS kebanyakannya dipengaruhi oleh bahasa Arab. Hal ini dapat dikesan melalui penggunaan kosa kata dan tata bahasanya.

Abstract

This article looks at the role of language dominated by Arab and Malay language in Ratib Saman. Ratib Saman for Sambas Malay community is a social activity that is 'ritual' in affect Sambas Malay society. Ceremony held 'rice paste' is used in a variety of activities such as Moving to the new house, the village cure, circumcision, 7 and 9 months pregnant; belulus bridal shower, Day 7 died and many others. The ceremony was held to seek safety, prosperity, peace from Allah SWT by stroke or touching objects that prayed with 'lenjuang' leaves that were dipped in 'rice flour' into fresh water that has been recited. Therefore, Ratib Saman also has a similar function, namely to ask for help and protection from God to avoid the threats. Because the religion of Malay Sambas is Islam then it is not surprising that the presence of Ratib Saman also said parallel with the advent of Islam to the Sambas. It can be concluded that factors in the interplay between the Malay Arabic and shows the influence of text Hikayat Sheikh Muhammad Saman (HSMS). Therefore it appears that the Malay language used in the HSMS was heavily influenced by the Arabic. This can be detected through the use of vocabulary and grammar.

Pendahuluan

Ratib berasal daripada kata Arab, *rataba-yartubu-rutuban*, ertinya tetap atau teratur. Jadi, ratib adalah suatu aktiviti keagamaan yang diamalkan secara tetap dan teratur. Ratib Saman ertinya zikir dalam “tarikat Sammaniah” yang harus dibaca oleh murid-muridnya secara tetap dan teratur waktunya, redaksi ratib tidak boleh diubah-ubah. Di samping itu juga akan disertakan pengucapan selawat kepada Nabi Muhammad SAW, beserta keluarga dan sahabatnya, nama-nama Allah (*al-asma 'u l-husna*), dan beberapa ayat yang pendek daripada al-Qur'an serta petikan-petikan ayat yang lain.

Menurut Ph. S. Van Ronkel (1870) dalam bukunya yang berjudul *Supplement to the Catalogue of the Arabic Manuscripts Preserved in the Batavia Society of Arts and Sciences* menyatakan ada tiga buah naskah Arab tentang Ratib, iaitu yang berjudul Ratib Saman ditandai kod A. 674 (1913: 216), *Ratib Asy-Syekh 'Abdus-Samad Al-Palimbani* dengan kod A. 673 (1913: 217) yang kemudiannya ditandai dengan RSP dan dikenali sebagai *Zikir Ar-Rifai* dengan kod A. 547 (1913: 218) yang ditandai dengan singkatan RR.

Di samping itu Voorhoeve (1980) dalam bukunya yang berjudul *Handlist of Arabic Manuscripts in the Library of the University of Leiden and Other Collections in the Netherlands* menyebut bahawa ada terdapat dua naskah Arab tentang ratib yang berjudul Ratib Samman Or. 5655 (1957: 286).

Menurut budayawan Sambas, H Arpan S menyatakan bahawa kehadiran Ratib Saman ini adalah sehubungan dengan masuknya Islam ke Sambas. Beliau menambah bahawa ada kemungkinan seni budaya tersebut mulai dikenali oleh orang-orang Sambas sejak tahun 1632 Masehi, iaitu lebih dari empat abad yang lalu ketika Raden Sulaiman bin Raja Tengah mendirikan Kerajaan Sambas Islam pasca kekuasaan Ratu Sepudak (Hindu).

Ratib Saman Dalam Masyarakat Melayu Sambas

Berdasarkan penemuan hasil usaha menjejaki tradisi ratib tersebut, mereka telah menemui pelbagai versi Ratib Saman. Beberapa naskah yang menggunakan tulisan tangan pun telah berjaya ditemui. Versi yang ditemui adalah berbeza-beza dari segi syair, zikir atau fasala-fasalnya di antara satu kampung dengan kampung yang lain. Ada yang 24 fasal, dan ada juga yang 28 fasal. Setiap fasal mengandungi berbelas kalimat. Fasal-fasal ini mestilah dipatuhi agar objektif pembacaannya dapat dihayati dan dicapai.

Menurut keterangan beberapa tokoh masyarakat dan pemain Ratib Saman seperti Pak Djase (76 th.), Pak Syar'ie (76 th.) dan Abdul Hadi (55 th.) dari Desa Sebadi, Teluk Keramat dan Ibrahim (75 th.) dari Desa

Penakalan Sejangkung yang menyatakan bahawa Ratib Saman sememangnya telah dikenali oleh warga setempat sejak sekian lama.

Asal usul Ratib Saman dikatakan berkemungkinannya berasal dari Aceh. Kononnya, pada zaman dahulu hubungan perdagangan di antara Sambas dengan Aceh cukup baik. Kemungkinan ini berasaskan di Aceh pun didapati budaya atau kesenian yang dikenali sebagai Tari Saman yang juga sarat dengan mesej Islami. Walau pun terdapat agak banyak perbezaan di antara Tari Saman Aceh dengan Ratib Saman Sambas.

Ratib Saman mempunyai keterkaitan yang kukuh dengan upacara adat tepung tawar seperti:

1. Pindah rumah baru;
2. Berubat kampung;
3. Khitanan;
4. Hamil 7 dan 9 bulan;
5. Mandi belulus pengantin;
6. Hari ke 7 meninggalkan dunia dan lain-lain lagi.

Upacara ini diadakan bertujuan untuk memohon keselamatan, kesejahteraan, kedamaian kepada Allah SWT dengan cara memapas atau menyentuh-nyentuhkan objek yang didoakan dengan menggunakan daun lenjuang yang telah dicelupkan air tepung tawar yang sudah dibacakan dengan doa-doa. Oleh hal yang demikian, Ratib Saman juga mempunyai fungsi yang hampir sama iaitu untuk memohon pertolongan dan perlindungan dari Allah SWT agar dihindari dari pelbagai ancaman.

Namun demikian dengan landaan arus globalisasi orang ramai beranggapan bahawa berubat kampung, upacara pindah rumah baru dan lain-lainnya sudah tidak diperlukan lagi dalam konteks pengamalan adat. Ratib Saman sebelum ini seolah-olah dianalogikan sebagai seorang yang sedang tidur dengan nyenyaknya kerana merasakan keletihan setelah penat bekerja membanting tulang. Lantaran itu iannya perlu dibangunkan, kerana sejak hampir lima puluhan tahun, ratib Saman memang jarang dimainkan lagi. Tradisi ini memang hampir musnah sebelum ini.

Tempat Kajian



Tugu Kota Sekura



Pekan Sekura

Kajian ini telah dijalankan di Desa Sebaki, Kecamatan Teluk Keramat, Kota Sekura, Kabupaten Sambas, Kalimantan Barat, Indonesia.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk:

1. meneliti pelestarian Ratib Saman dalam masyarakat Melayu Sambas.
2. mengenalpasti penggunaan bahasa Arab dan bahasa Melayu dalam Ratib Saman.
3. meneliti gerak tari yang dipersembahkan dalam Ratib Saman.
4. melihat secara langsung upacara adat naik rumah dalam kalangan masyarakat Melayu Sambas.

Usaha-Usaha Menjejaki Naskhah Ratib Saman

Setelah usaha yang bersungguh-sungguh dijalankan oleh budayawan dan para pengkaji hasilnya ditemui enam hingga tujuh naskhah Ratib Saman di seluruh Sambas. Namun, rata-ratanya adalah teks yang bertuliskan tangan dengan menggunakan aksara Arab. Hanya satu naskhah yang berupa hasil cetakan pada tahun 1347 H. Naskhah tersebut tertulis: Inilah Qasidah Saman, tercetak oleh Mas Hasan Petinggi Bin Mas Muhammad Ali di Kampung Durian Sambas. Naskhah ini diselesaikan pada tanggal 29 Jamadil Awal 1347 H. Oleh hal yang demikian para peneliti Ratib Saman masih menaruh harapan agar mereka berjaya menemui anak cucu Mas Hasan Petinggi Bin Mas Muhammad Ali dan pada masa yang sama

mereka merayu agar sesiapa sahaja yang ada menyimpan buku tersebut agar sudi memberikan kerjasama bagi tujuan memelihara khazanah budaya Melayu yang tidak ternilai itu.

Teks Hikayat Syeikh Muhammad Saman (HSMS)

Teks HSMS yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dari teks aslinya dari bahasa Arab hasil tulisan Muhyi d-din Al-Palimbani pada tahun 1196H (HSMS: 118-119) atau 1782 M. Bahasa Melayu yang digunakan dalam HSMS kebanyakannya dipengaruhi oleh bahasa Arab. Hal ini dapat dikesan melalui penggunaan kosa kata dan tata bahasanya.

Menurut De Hollander (1984: 230-233) dalam Ahmad Purwadaksi (2004) menyatakan tentang pengaruh bahasa Arab terhadap bahasa Melayu yang sekali gus turut memperlihatkan pengaruhnya terhadap teks HSMS. Kenyataan ini berdasarkan kepada bukti-bukti bahawa:

- i) Sebahagian masyarakat Melayu terutamanya yang sudah memeluk Islam pada masa itu memandang tinggi dan menghormati bahasa Arab sebagai bahasa kitab suci Al-Qur'an;
- ii) Masyarakat tersebut juga masih belum mempunyai abjad dan memilih abjad Arab sebagai abjad Melayu;
- iii) Sebahagian masyarakat Melayu terutama yang sudah beragama Islam memandang bahawa bahasa Arab sebagai bahasa 'bergengsi' (berada pada kedudukan yang dihormati) pada saat itu, sehingga bahasa lisan dan tulisan yang dicampuri dengan bahasa Arab sangat dikagumi.

Selain itu, di dalam teks HSMS juga terdapat ayat-ayat al-Qur'an, hadis, perkataan Syekh Muhammad Saman, doa dan *syatahat* al-Bistami. (Rujuk lampiran 1).

Acara Tepung Tawar Pindah Rumah

Pada acara tepung tawar pindah rumah, pelaksanaan Ratib Saman didahului dengan membaca Surah Yasin yang diikuti oleh seluruh peserta majlis. Ratib Saman akan dipersembahkan pada tahap yang ke-3 atau tahap akhir setelah tepung tawar dan bacaan yasin disempurnakan.

“Pelaku Ratib Saman” sejak asalnya lagi adalah diwakili oleh lelaki dewasa. Kaum perempuan tidak diizinkan sama sekali, hal ini demikian kerana berkemungkinan masa yang lama digunakan semasa melaksanakan ratib. Biasanya ratib Saman dilaksanakan selepas waktu isyak sehinggalah ke waktu solat Subuh dan dipersembahkan secara terus menerus tanpa henti.



Kumpulan pemain alat muzik



Pelaku Ratib Saman

Perlengkapan asas yang diperlukan dalam melaksanakan Ratib Saman antara lain adalah bacaan Ratib berupa qasidah atau nasyid dan petikan dari ayat Al-Qur’an yang mengandungi mesej tentang kebesaran dan keagungan sifat-sifat Allah SWT serta selawat ke atas Nabi Muhammad SAW.



Bacaan Qasidah



Persembahan Nasyid

Mengikut dakwaan beberapa tokoh peneliti Ratib Saman termasuklah tokoh budayawan Sambas H Arpan S menyatakan bahawa kalimat-kalimat yang dibaca pada masa melaksanakan ratib sebenarnya didapati dari buku panduan yang ditulis dengan huruf dan bahasa Arab. Namun demikian, sehingga kini buku panduan tersebut belum ditemui.

Bahan bacaan yang digunakan sekarang hanyalah berupa salinan tulisan tangan peninggalan orang-orang tua yang pernah melakukan Ratib Saman. Semasa pelaksanaan, kalimat-kalimat dalam ratib dibacakan dengan irama padang pasir atau ada kalanya berirama seperti orang mengaji al-Qur'an. Pada saat-saat tertentu pula, irama lagu seperti melaksanakan tahlil dibacakan. Dalam soal ini didapati setiap kampung mempunyai irama yang tersendiri bagi membezakannya di antara satu kampung dengan kampung yang lain.



Kumpulan penyelidik bersama H Arpan S dan ahli kumpulan nasyid dalam upacara naik rumah baru

Pada kebiasaannya pakaian (busana) yang dipakai pada masa melakukan ratib terdiri daripada kemeja lengan panjang, kain sarung dan mengenakan kopiah atau peci (songkok). Kedudukan tubuh pada masa ratib berlangsung meliputi kedudukan seperti tahyat awal dalam solat, membongkok dan berdiri. Anggota badan yang banyak digunakan adalah kaki dan tangan sementara kepala akan digerakkan untuk penyesuaian dengan kedua-dua pergerakan tersebut. Namun ada juga didapati pergerakan yang tertentu seperti sebuah tarian.

Kosa Kata dalam Teks Hikayat Syeikh Muhammad Saman

Menurut Ahmad Purwadaksi (2004), sebagaimana dimaklumi bahawa teks ini sangat dipengaruhi oleh bahasa Arab. Kata-kata Arab masih terdapat sehingga sekarang dan tidak diserap kepada bahasa Indonesia baku mahu pun bahasa Melayu baku (bahasa Malaysia), antaranya iaitu:



Kedudukan tubuh pada masa tarian Ratib Saman berlangsung.

masyâ' ikh (HSMS: 8)	= para guru tarikat
sabbâgh (HSMS: 46)	= tukang celup pakaian
riyâdat (HSMS: 8)	= kegiatan berzikir berjemaah dalam zawiyat
murajâ'at (HSMS: 60)	= menelaah buku dengan saksama
ahlu l-baqâ (HSMS: 11)	= sufi ahli fana
muhaqqiq (HSMS: 85)	= sufi ahli fana dan hakikat
muntaqa (HSMS: 11)	= orang yang dipilih oleh Tuhan menjadi sufi
hammâmat (HSMS: 86)	= kamar mandi
murâqabat (HSMS: 17)	= memusatkan hati kepada Nabi Muhammad SAW
hammam (HSMS: 87)	= kamar mandi
'azb (HSMS: 21)	= hanyut di dalam fana
taf'îl (HSMS: 88)	= perincian
aghyâr (HSMS: 23)	= perasaan cinta atau sayang dalam hati akan sesuatu jenis keduniaan
khafirat (HSMS: 92)	= gerak hati dalam menangkap dan memahami sesuatu
dama l-Lah (HSMS: 25)	= semoga Allah mengekalkannya
hiqd (HSMS: 96)	= dendam
'ahibul-imdâd (HSMS: 25)	= sufi yang berhak memberi pertolongan pada hari kiamat
mikhbarat (HSMS: 105)	= pendupaan (bahasa Indonesia)
al-madâd (HSMS: 46)	= tolonglah
bustân (HSMS: 106)	= kebun

Menurut Ahmad Purwadaksi (2004) lagi bahasa Arab yang terdapat dalam HSMS sudah diasimilasikan dengan bahasa Indonesia baku yang mempunyai persamaan maksudnya dengan bahasa Melayu baku (bahasa Malaysia). Namun, ada juga antaranya yang masih belum distandardisasikan seperti:

mazmumah (HSMS: 2) (BA <i>mazmumat</i>)	= tercela
murad (HSMS: 3) (BA <i>murâd</i>)	= maksud; yang diinginkan
sumah (HSMS 2) (BA <i>sum'at</i>)	= terkenal; popularitas (BI) populariti (BM)
mudarat (HSMS: 14) (BA <i>mudarrat</i>)	= susah; sengsara
mahmudah (HSMS: 2) (BA <i>mahmudat</i>)	= terpuji
majedub (HSMS: 15) (BA <i>majzub</i>)	= hati terasa ditarik ke alam ghaib kemudian fana
kanaah (HSMS: 2) (BA <i>qanâa</i>)	= menerima kenyataan dalam hidup
mukhtasar (HSMS: 24) (BA <i>mukhtasar</i>)	= ikhtisar
mukalaf (HSMS: 3) (BA <i>mukalaf</i>)	= anak Muslim yang tatkala mencapai usia akil baligh mulai berhak menjalankan kewajipan syariat Islam.
Khilaf (HSMS: 26) (BA <i>khilâf</i>)	= berbeda pendapat

Sebagaimana yang telah dimaklumkan, bahawa penggunaan kata-kata Arab dalam bahasa tulisan pada zaman itu (abad ke-19) merupakan suatu kebanggaan yang tersendiri dan akan dihormati serta dipandang tinggi (Hollander, 1984: 230). Oleh hal yang demikian dalam teks HSMS banyak terdapat kata-kata dan ungkapan bahasa Arab. Hal ini juga sejajar dengan *world view* masyarakat Melayu yang menerima dan menganut agama Islam pada masa itu.

Tata bahasa dalam Teks Hikayat Syeikh Muhammad Saman

Menurut Ahmad Purwadaksi (2004), teks HSMS adalah terjemahan daripada bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu (HSMS 118). Lantaran

itulah pengaruh tata bahasa Arab sangat mempengaruhi penulisannya dalam versi bahasa Melayu (BM). Pengaruh tersebut dapat dikesan dengan jelas sebagaimana berikut:

- (1) Penulisan teks sering dimulai dengan kata hubung (konjungsi) **dan**, misalnya:

Dan kudengar pula bahawasanya anak murid yang dahulu itu (HSMS: 2)

Hal ini merupakan pengaruh tata bahasa Arab. Dalam bahasa Arab sebuah kalimat biasanya dimulai dengan *wa* yang ertinya **dan**.

- (2) Dalam teks HSMS sering terdapat kalimat-kalimat yang didahului dengan kata kerja daripada subjeknya (proses pendepanan predikat), misalnya:

Dan **membuka** sahabat Usman akan mulutnya serta **meniup** dia dan **mengusap** ia akan kepalanya dengan kedua tangannya (HSMS: 13)

Bentuk kalimat yang demikian dalam tata bahasa Arab disebut *jumlat fi'liyat*, iaitu kalimat yang mendahulukan kata kerja. Manakala, dalam bahasa Melayu baku pula dikenali sebagai proses pendepanan frasa kerja dalam rumus pembentukan ayat songsang.

- (3) Dalam teks HSMS sering terdapat ungkapan **barang yang mengkhabarkan dengan dia**. Ungkapan ini merupakan terjemahan dari *ma akhbara bihi*, misalnya:

Dan setengah daripada keramat Syeikh Muhammad Saman *radiya l-Lahu 'anhu* itu, **barang yang mengkhabarkan dengan dia** (HSMS: 27)

Ungkapan tersebut ialah terjemahan secara harfiah daripada ungkapan dalam tata bahasa Arab, *ma akhbara bihi*.

- (4) Bentuk *imperfect* atau *fi'il mudâri'* yang didahulukan dengan *kâna* diterjemahkan secara harfiah, *kana* sebagai ada yang diikuti dengan kata kerja yang sesuai dengan ertinya, misalnya:

Adalah aku *duduk* pada tempat (HSMS: 26)

Kalimat tersebut merupakan terjemahan daripada tata kalimat Arab. *Kuntu ajlisu fi makanin*. *Kuntu* adalah bentuk *kana* untuk aku. Menurut Ronkel terjemahan yang demikian terdapat pada terjemahan Al-Qur'an dan karya tentang ilmu kalam (1977: 17).

- (5) Penceritaan tentang keramat dalam teks HSMS sebahagian besarnya dimulai dengan ungkapan *dan setengah daripada keramat Syekh Muhammad Samman*. Gejala ini menurut Ronkel adalah pengaruh tata kalimat bahasa Arab (1977: 37). Ungkapan ini adalah terjemahan daripada bahasa Arab, *wa ba'du min karammati sy-Syaykh Muhammad Samman*. Kata "setengah" adalah merupakan terjemahan daripada *ba'du* dan "daripada" yang diterjemahkan daripada *min*.
- (6) Kosakata **bahawasanya** yang merupakan terjemahan daripada kosakata Arab *inna* (Ronkel, 1977: 35) banyak terdapat dalam teks HSMS, misalnya:

Dan wajib atas tiap-tiap orang akil baligh mengiktikadkan **bahawasanya** keramat itu harus bagi aulia Allah (HSMS:3)

- (7) Kosakata Arab *li* selalunya diterjemahkan sebagai **bagi** (Ronkel, 1977: 13). Hal ini sangat bersesuaian dengan erti asal *li* dalam bahasa Arab. Dalam konteks tertentu didapati tidak tepat, sehingga harus diterjemahkan dengan kata lain, misalnya:

Selawat dan salam itu atas Nabi Muhammad, sujud baginya malaikat (HSMS: 2)

Dalam konteks tersebut kosakata **bagi** sebaiknya digantikan dengan **kepada**.

- (8) Dalam kosa kata Arab, kata *inna* berfungsi menegaskan gagasan yang diajukan, misalnya:

Inna I-karamata yanbaghi li awliya'I l-Lahi

Terjemahannya: Sesungguhnya keramat itu harus bagi aulia Allah.

Kata **bahawasanya** atau **sesungguhnya** selalunya digunakan pada awal kalimat atau pada pertengahannya.

- (9) Kata *padahal* yang merupakan terjemahan daripada kata perangkai *wa* (Ronkel, 1977: 19) banyak terdapat dalam teks HSMS. Terjemhannya tetap *padahal* walaupun penggunaannya didapati tidak begitu tepat, misalnya:

Maka tiba-tiba daulat itu jatuh ke bumi **padahal** ia tidak ingat (HSMS: 44).

Kata *padahal* dalam kalimat tersebut berkemungkinan lebih tepat apabila diterjemahkan sebagai **sedangkan**.

- (10) Kata *wa ba'du* yang membawa erti sesudah itu, biasanya terdapat dalam buku-buku agama Islam yang ditulis dalam bahasa Arab. Kosa kata ini diletakkan pada awal penceritaan sesudah pendahuluan. Dalam teks HSMS digunakan sesuai dengan fungsinya, iaitu:

Wa ba'du, adapun kemudian daripada itu maka apabila kedengaran bahawasanya mengkhabarkan keramat aulia Allah (HSMS: 2)

- (11) Partikel *maka* sebagai terjemahan dari *fa* (Ronkel, 1977: 35) banyak terdapat dalam teks HSMS, misalnya:

Maka apabila aku sampai ke zawayat, meminta izin aku pada masuk atas ziarah Syeikh Muhammad Samman; maka memberi izin ia akan daku. Maka masuk aku dan memberi salam aku atasnya. Maka mengembalikan salam aku (HSMS: 67).

Partikel-partikel lain yang terdapat dalam naskhah HSMS, iaitu bahawasanya, iaitu, kemudian, jika dan dari. Penggunaanya berlainan

jika dilihat dari sudut bahasa Indonesia (Ahmad Purwadaksi 2004: 2001), misalnya:

Maka iaitu menunjukkan **bahawasanya** Syekh Muhammad Saman itu mengambil daripada Nur ilmu Muhammad salla l-Kahu 'alayhi wa sallama dengan lantaran Nabi Allah Ibrahim alaihi s-salam (HSMS: 17-28)

Kemudian daripada itu, **maka** diam angin itu dan ombak (HSMS: 28)

Dan **jika** ada kamu pada musyrik dan magrib sekalipun, nescaya kamu melihat pula kepada badanku (HSMS: 23)

Aku dan segala aulia Allah tiada mati, tetapi aku berpindah **daripada** dusun satu (HSMS: 15)

- (12) Kata kerja seperti **menegahkan** seharusnya diikuti pula oleh objek, tetapi dalam teks HSMS diselangi daripada. Hal ini adalah terjemahan dari kata kerja Arab 'an (Ronkel, 1977: 32) misalnya:

Maka menegah aku akan dia **daripada** masuk (HSMS: 18)

- (13) Kosa kata kerahui! atau ketahuilah! adalah terjemahan daripada kata Arab i'lam! Kata ini diletakkan pada awal cerita pada saat uraian gagasan pokok akan segera dimulai, misalnya:

Ketahui oleh kamu segala mukalaf! (HSMS: 3)

Hal lain yang terdapat dalam teks HSMS ialah adanya bentuk an yang tidak terdapat dalam bahasa Indonesia, misalnya:

Dan **gemari** ia pada uzlah dan berkhalwat (HSMS: 13)

Dan berkata pula Syekh Muhammad Samman pada hal **mencerita** akan nikmat Tuhan (HSMS: 16)

Kemudian maka berdiri aku **hadapan** perahu (HSMS: 43)

Demikianlah penggunaan bahasa dalam HSMS yang secara langsung memperlihatkan pengaruhnya daripada tatabahasa bahasa Arab yang selari dengan penyebaran Islam di Indonesia.

Hubungan Ratib Saman dengan Tarekat

Kosa kata ratib didefinisikan oleh Van Hove sebagai suatu bentuk zikir yang di susun oleh guru tarekat atau seorang ulama untuk dibaca pada waktu-waktu tertentu oleh seseorang atau beberapa orang dalam suatu jemaah sesuai dengan aturan yang telah ditetapkan (Ensiklopedi Islam, terbitan PT Ichtisar Baru)

Penyusunan zikir-zikir tersebut telah dijadikan ratib dan pada kebiasaannya ratib-ratib itu terdiri daripada ayat-ayat Al-Qur'an yang dipilih untuk membawa makna mengesakan Allah SWT (tahlil), menyucikan diri kepada Allah SWT (tasbih), memuji Allah SWT (tahmid), menyucikan diri terhadap Allah SWT (taqdis), memohon keampunan daripada Allah SWT (istighfar), membesarkan nama Allah SWT (selawat dan haulaqaq) serta doa-doa pilihan yang lain. Zikir-zikir yang dipilih itu berdasarkan pada ayat-ayat Al-Qur'an serta hadis-hadis Nabi SAW dan pemilihan yang dilakukan adalah bersesuaian dengan kecenderungan penyusunnya.

Wirid-wirid yang berupa zikir-zikir tertentu yang sesuai dengan petunjuk daripada guru (syekh) sesuatu tarekat adalah bersesuaian dengan semua jenis tarekat. Zikir yang berbentuk ratib adalah sangat popular dalam Tarekat Samaniah. Namun demikian walaupun sesuatu tarekat tersebut mempunyai ratib, namun materi bacaan dan cara pelaksanaannya adalah berbeza sama sekali. Tarekat Samaniah tidak terkecuali daripada melakukan ratib yang dikenali sebagai Ratib Saman, iaitu dengan cara berdiri dan melakukan gerakan-gerakan yang tertentu.

Dalam hal ini juga berkemungkinan bahawa Ratib Saman Sambas juga mempunyai perkaitan yang rapat dengan tarekat, khususnya Tarekat Samaniah yang memerlukan pelakunya adalah penganut tarekat tersebut. Menurut kenyataan beberapa tokoh ratib menyatakan bahawa Ratib

Saman Sambas memang ada hubungannya dengan tarekat. Seandainya kenyataan ini benar, bermakna pada masa dahulu di Kabupaten Sambas ini, Tarekat Samaniyah sangat berkembang. Buktinya hampir di seluruh kampung di Sambas dapat ditemui sisa-sisa peninggalan Ratib Saman baik yang berupa naskah mahu pun pelakunya.

Ada juga tokoh ratib mendakwa bahawa pada masa dahulu sewaktu orang-orang tua melakukan ratib banyak yang seperti tidak sedarkan diri. Dalam hal ini jika dikaitkan dengan tarekat, keadaan tidak sedarkan diri ini membawa makna sebagai ekstasi, asyik dalam zikir atau fana, tenggelam dalam kenikmatan mengingat Allah SWT.

Menurut Zulfa Jamalie, pensyarah dari Fakultas Dakwah Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Antasari Banjarmasin menyatakan bahawa Tarekat Samaniyah diasaskan oleh Syekh Muhammad Abdul Karim Saman Al Madani (1718-1775) dari Madinah. Murid beliau yang paling terkenal di Indonesia ialah Syekh Abdus Samad Al Falimbani dari Palembang, beliau boleh dianggap sebagai orang yang pertama memperkenalkan Tarekat Samaniyah di Nusantara, terutamanya di daerah Sumatera.

Pelaksanaan Ratib Samman

Tarikat Sammaniah melakukan ratib yang masyhur dengan nama Ratib Saman dengan bacaan- bacaan ayat Al-Qur'an dan doa-doa yang berikut:

1. Membaca surah Al-Mulk;
2. Membaca surah Al-Fatihah 28 kali;
3. Membaca surah Al-Ikhlâs 100 kali;
4. Membaca surah Al-Taubah ayat 127 dan 128;
5. Membaca *Ya Latif* 129 kali;
6. Membaca surah Al-Syu'ara ayat 19 sebanyak 20 kali;
7. Membaca *Ya Latifan bi khalqihî* (Yang Maha Pengasih kepada hamba-Nya), *Ya 'Aliman bi khalqihî* (Yang Maha Mengetahui makhluk-Nya), *Ya khayran bi khalqihî* (yang Maha baik terhadap hamba-Nya), *iltaf bina ya Latif ya 'Ali ya khayr* (kasihanilah / rahmatilah kami wahai Yang Maha lembut, Ya Maha tinggi, Ya Maha baik) sebanyak 3 kali;

8. Membaca *Ya Hayyun Ya Qayyum* (Yang Maha hidup, Yang Maha kekal) 100 kali;
9. Membaca sejumlah surah, mulai dari surah *Al-Dhuha* sampai surah *Al-Lahab* dan dilanjutkan dengan membaca surah *Al-Ikhlâs* 3 kali;
10. Membaca surah *Al-Falah* dan *An-Nas* 1 kali;
11. Membaca surah *Al-Baqarah* ayat 163, 255 dan 284 – 286;
12. Ditutup rangkaian ratib dengan nama-nama Allah (*Al-Asma Al-Husna*), membaca syair-syair yang memuji Allah SWT serta rasul-Nya dan doa-doa atau boleh juga disusuli dengan bacaan tahlil;

Demikianlah suatu siri susunan Ratib Samman yang telah diamalkan oleh masyarakat Melayu Sambas sejak dari dahulu lagi sehingga ke hari ini.

Pemikiran Tasawuf Syekh Muhammad Samman

Sebagaimana yang telah diuraikan pemikiran tasawuf yang diajukan oleh Syekh Muhammad Samman mempunyai ciri yang amat penting, iaitu dengan tidak meninggalkan syariat. Beliau juga berpesan kepada murid-muridnya agar menunaikan kewajipan syariat, dan patuh kepada hukum dalam semua hal sesuai dengan ketentuan syariat. Dalam hal 'ektase' ia mengalami pelepasan di segenap kemampuannya dengan Allah SWT (*fana' fil-Lah*) sehingga terucapkan olehnya *ecstatic utterances* sebagaimana tergambar dalam RS. Namun demikian, syatahatnya itu tidak melampaui batas ukuran syariat seperti yang terucapkan oleh Al-Hallaj yang mengucapkan "Aku adalah Tuhan".

Sebaliknya syatahat yang paling keras yang pernah terucapkan oleh Syekh Muhammad Samman ialah "Aku adalah Muhammad yang dituju". Hal ini demikian kerana dia sangat berpegang teguh kepada syariat.

Kesetiaan kepada syariat menunjukkan bahawa pengaruh rasional dan sensual (keghairahan) tetap ada walaupun amat tipis pada saat dia menjalani pelepasan semua kemampuan dan sifat-sifat diri dengan Allah SWT. Apabila Syekh Muhammad Samman sedang menjalani proses "pelepasan diri" dengan Allah SWT, bererti dia sedang menyatu dengan-Nya (*ittihad*). Pada saat "pelepasan" ini berlangsung, aktiviti dari pihak Muhammad Samman bertumpu pada fu'ad-nya. Fu'ad-nya melihat zat

Allah SWT dan sifat-sifat-Nya, nama-Nya dan af'al-Nya sehingga dia mengenal Allah SWT; oleh sebab itu dia dipanggil al-'arif bil-Lah (orang yang kenal dengan Allah SWT).

Pada masa suasana “peleburan” ini dia akan berorientasi pada Al-Khalaq (sifat-sfat-Nya, nama-Nya dan af'al-Nya) bukan pada Al-Haqq (Allah), walaupun kedua-duanya adalah merupakan hal yang sama, iaitu Allah SWT. Dalam suasana “peleburan” itu Allah menyatakan aktiviti-Nya, iaitu berbicara dengan lidah Syekh Muhammad Samman yang akhirnya terlafazkan olehnya syatahat-syatahat itu. Apabila Al-Khalaq yang menjadi orientasinya dalam suasana “peleburan” itu maka syatahatnya menjadi lebih sederhana daripada dia berorientasi pada Al-Haqq. Kemampuan berorientasi dalam suasana “peleburan” ini adalah akibat daripada kesetiiaannya kepada syariat. Apabila aktiviti Tuhan itu menjelma pada perbuatan Syekh Muhammad Samman, maka dia akan melakukan perbuatan-perbuatan yang ganjil dan bertentangan dengan adat yang biasa (khawariq l-'adat) yang disebut sebagai “keramat”. Syekh Muhammad Samman adalah ahli sufi daripada aliran *wahdatu l-wujud*.

Kesimpulan

Melalui penelitian di lapangan, jelaslah kepada kita bahawa tradisi warisan bangsa Melayu sejak sekian lama melalui penghayatan dan pengamalan Ratib Saman telah berjaya memperlihatkan suatu ikatan yang kukuh dalam konteks kehidupan bermasyarakat. Keadaan ini dapat dilihat dan diteliti dengan jelasnya melalui aktiviti kemasyarakatan dalam hubungannya dengan budaya yang menjadi teras dalam amalan adat masyarakat Melayu yang mementingkan hidup bermasyarakat dengan ikatan nilai-nilai murni seperti amalan bergotong royong, hormat-menghormati, mengamalkan ajaran Islam yang syumul dan sebagainya. Dalam hal ini tidak dapat dinafikan bahawa bahasa Arab yang kemudiannya saling berdifusi dan berakulturasi di antara satu sama lainnya memainkan peranan penting dalam kehidupan bermasyarakat masyarakat Melayu Sambas yang sedia beragama Islam kesemuanya.

Harapannya nanti usaha-usaha untuk menghidupkan kembali tradisi keagungan bangsa yang terpancar melalui ketinggian ketamadunan yang terbina sejak sekian lama dapat dijana kembali. Dengan cara ini juga

upacara adat ‘tepung tawar’ yang biasanya dilakukan untuk tujuan memohon keselamatan, kesejahteraan dan kedamaian kepada Allah SWT akan dapat bertahan untuk selama-lamanya.

Semua perlakuan ini telah berjaya menyerlahkan suatu identiti bangsa yang seharusnya dilestarikan dari suatu generasi kepada suatu generasi yang seterusnya. Pada masa yang sama kehidupan yang menjadi tuntutan dalam konteks *hablun minnallah* yang bersifat vertikal dan *hablun minnannas* yang bersifat horizontal telah dapat dipenuhi bagi menepati tuntutan hidup makhluk Allah SWT sebagai hamba-Nya serta mendapatkan keredaan-Nya di atas muka bumi ini.

Bibliografi

- Ab. Razak Ab. Karim, Akhmad Bin Mansur, Muhammad Saiful Haq Hussin dan Zahir Ahmad, 2010. *Kajian Bahasa, Naskhah dan Sastera Lisan Masyarakat Melayu di Sambas dan Kawasan Sekitarnya* (Laporan No. RG003/09HNE). Kuala Lumpur: *University Research Grant Scheme, University Malaya*.
- Ahmad Purwadaksi. 2004. *Ratib Saman dan Hikayat Syekh Muhammad Samman, Suntingan Naskah dan Kajian Isi Teks*. Jakarta: PT Penebit Djambatan.
- Ensiklopedi Islam. *Hubungan Ratib Saman dengan Tarekat*.
- H. Syukriadi Sambas. M. Si (Drs.) dan Tata Sukayat. M Ag. 2003. *Quantum Doa: Membangun Keyakinan Agar Doa Tak Terhijab dan Mudah dikabulkan*. Jakarta: PT Mizan Publika.
- H. Muhanni Abdur. 2006. *Cukilan Adat dan Budaya Sambas*. Tebas-Kalbar: Arjuna.
- P.S Van Ronkel. 1913. *Supplement to the Catalogue of the Arabic Manuscripts Preserved in the Batavia Society of Arts and Sciences*. Batavia. hlm. 17-29.
- Uray Ronald. 2007. *Tradisi Ratib Saman Sambas, peninggalan Leluhur yang Hampir Punah*. Puntianak Post 4 Mei.

Voorhoeve, P. 1980. *Handlist of Arabic manuscripts in the Library of the University of Leiden and other collections in the Netherlands*. The Hague [etc.]: Leiden University Press, 2nd enl. ed. [Codices manuscripti 7].

Zulfa Jamalie. *Melacak Jejak Tariqat Sammaniyah Di Kalsel*.

<http://books.google.com.my/books>. Diakses pada 12.10.2010.

Lampiran 1

